MESYUARAT JAWATANKUASA KUALITI
KALI KE-63

AGENDA 8(a)
LAPORAN PENILAIAN RISIKO SISTEM PENGURUSAN KUALITI (QMS)

15 JULAI 2025 | 9.00 PAGI | *GOOGLE MEET*




Berilmu Berbakti Pertanian • Inovasi • Kehidupan




Memaklumkan Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti UPM Kali ke-63 berhubung:

1. **PENGENALPASTIAN ISU OPERASI TAHUN 2025**
2. **PENILAIAN RISIKO OPERASI TAHUN 2025**
3. **SENARAI RISIKO TINGGI HY1 2025**
4. **KAWALAN TINDAKAN KE ATAS RISIKO**

# 1. PENGENALPASTIAN ISU OPERASI TAHUN 2025

UPM UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA BERILMU BERBAKTI
PUTRA PERTANIAN UNTUK RAKYAT

## Jumlah Keseluruhan Penyataan Isu / Masalah

**396**

## Jumlah Penyataan Isu / Masalah Mengikut Klasifikasi PTJ

| Fakulti / Sekolah / Akademi | | |
|---|---|---|
| 117 | | |
| Institut | Pusat | Pejabat |
| 78 | 110 | 32 |
| Bahagian | Kolej | Perkhidmatan |
| 19 | 28 | 12 |

## Jumlah Isu Dalaman & Luaran




## Jumlah Isu Baru & Sedia Ada






Berilmu Berbakti Pertanian • Inovasi • Kehidupan upm.edu.my

UPM UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA BERILMU BERBAKTI PUTRA PERTANIAN UNTUK RAKYAT

## Kategori Fungsian / Operasi




**Peratus tertinggi kategori fungsian/operasi berdasarkan isu di PTJ:**

1. Pentadbiran/Perkhidmatan = 22.5% (89 isu)
2. Infrastruktur / Persekitaran = 14.9% (59 isu)
3. Pengajaran = 13.1% (52 isu)



Berilmu Berbakti Pertanian • Inovasi • Kehidupan upm.edu.my

## Kesan Kepada KPI UPM & Pihak Berkepentingan




**Peratus tertinggi bagi Risiko yang memberi kesan kepada KPI UPM & Pihak berkepentingan:**

1. Pihak Berkepentingan = 37.9% (150)
2. KPI: Akademik & Antarabangsa = 13.9% (55)
3. KPI: Penyelidikan & Inovasi = 12.1% (48)

UPM UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA BERILMU BERBAKTI PUTRA PERTANIAN UNTUK RAKYAT

# Isu Utama Bagi Setiap Kategori Fungsian

| Bil. | Kategori Fungsian | Isu Utama |
|---|---|---|
| 1. | Pentadbiran / Perkhidmatan | Kekurangan staf akademik dan bukan akademik yang mahir / kompeten mengikut fungsi PTJ. |
| 2. | Infrastruktur / Persekitaran | Bangunan/peralatan/infrastruktur yang usang /rosak/berkulat |
| 3. | Kewangan | Peruntukan kewangan terhad. |
| 4. | Pengajaran | 1. Kemasukan pelajar siswazah / antarabangsa / T20 berkurangan.<br>2. Kurikulum tidak disemak mengikut tempoh. |
| 5. | Penyelidikan | Penawaran geran penyelidikan berkurangan/terhad. |
| 6. | Keselamatan / Kesihatan | 1. Risiko kemalangan dimakmal dan pendedahan bahan kimia<br>2. Ancaman haiwan liar dan berbisa |
| 7. | Teknologi Maklumat & Komunikasi | 1. Gangguan terhadap capaian internet.<br>2. Sistem aplikasi tidak memenuhi keperluan semasa. |
| 8. | Peralatan / Mesin | Kos pembelian alatan baharu atau proses naik taraf / baik pulih / penggantian peralatan makmal pengajaran dan penyelidikan yang rosak yang tinggi. |
| 9. | Undang-undang | Akta / peraturan yang tidak dipatuhi (contoh pemalsuan dokumen oleh pelajar antarabangsa, plagiarisme). |

UPM UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA BERILMU BERBAKTI

PUTRA PERTANIAN UNTUK RAKYAT

## PENILAIAN RISIKO - PERTENGAHAN TAHUN PERTAMA (HY - 1)

| Risiko Rendah : | Risiko Sederhana : | Risiko Tinggi : | Risiko Belum Nilai : |
|---|---|---|---|
| 116 | 236 | 27 | 17 |




**Penilaian risiko dibuat bagi setiap PTJ (71 PTJ) mengambil kira setiap PTJ mempunyai tindakan berbeza (kawalan sedia ada dan strategi tindakan) walaupun terdapat pernyataan risiko yang sama di antara PTJ.**

UPM UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA BERILMU BERBAKTI PUTRA PERTANIAN UNTUK RAKYAT




**PTJ perlu melaksanakan Strategi Tindakan bagi mengawal tahap risiko Sederhana (Kuning) dan Tinggi (Merah) serta membuat pemantauan secara berterusan bagi tahap risiko Rendah (Hijau).**

# 3. SENARAI RISIKO TINGGI HY1 2025

| No | Nama PTJ | Fungsian / Operasi | Penyataan Isu / Masalah | Isu Dalaman / Luaran | Status Isu | Penyataan Risiko | Kesan Kepada Bidang KPI UPM | Kawalan Sedia ada | Tindakan Ke Atas Risiko | Nyatakan Kawalan / Strategi Tindakan Baru |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul | Infrastruktur / Persekitaran | Proses baik pulih bangunan / infrastruktur yang rosak / usang tidak dapat dilaksanakan dengan segera akibat kekangan kewangan | Dalaman | Sedia ada | Persekitaran yang tidak kondusif untuk aktiviti pengajaran dan penyelidikan serta meningkatkan risiko keselamatan kepada warga fakulti. | Pihak Berkepentingan | 1. Memohon peruntukan daripada Universiti atau KPT dan menetapkan keutamaan pada kerja baik pulih yang melibatkan kemudahan pelajar dan keselamatan.<br>2. Melantik Pegawai Bertanggungjawab untuk melaporkan segera sebarang kerosakan yang berlaku agar dapat ditangani segera.<br>3. Menggiatkan usaha penjanaan | Belum Nilai | 1. Menjadikan tindakan terhadap aduan kerosakan sebagai agenda tetap Mesyuarat Pengurusan.<br>2. Menjadikan tindakan pembaikan terhadap aduan kerosakan sebagai KPI Fakulti<br>3. Memastikan permohonan peruntukan peralatan usang dimajukan setiap kali tawaran permohonan dibuka. |
| 2 | Fakulti Perubatan Veterinar | Infrastruktur / Persekitaran | Kekurangan fasiliti di dalam dewan/bilik kuliah dan makmal pengajaran untuk menampung keperluan PdP berikutan pertambahan pelajar baharu T20 bermula sesi 2024/2025 | Dalaman | Sedia ada | Menjejaskan aktiviti pengajaran dan pembelajaran | Pihak Berkepentingan | 1. Permohonan pembelian peralatan Baharu<br>2. Tambah baik fasiliti sediada<br>3. Memperkukuhkan jaringan industri dengan fakulti bagi meningkatkan pendanaan | Rawat (Treat) | 1. Permohonan pembelian peralatan baharu akan diteruskan di bawah RMKe-13 (2025).<br>2. Membuat penggantian peralatan usang di makmal melalui RMKe-12 RP5.<br>3. Menjalinkan kerjasama dengan pihak WAZAN UPM untuk tujuan menaik taraf peralatan PdP terutamanya di makmal melalui kutipan sumbangan wakaf fasiliti.<br>4. Membuat permohonan peruntukan khas kepada JPU untuk tujuan membaiki bumbung dan paip agar peruntukan belanja mengurus dan akaun amanah FPV boleh digunakan untuk tujuan naik taraf fasiliti. |
| 3 | Institut Antarabangsa Akuakultur dan Sains Akuatik | Infrastruktur / Persekitaran | Infrastruktur Hatcheri tidak mengikut spesifikasi sebuah Hatcheri dan telah reput dan berkarat (bangunan telah melebihi 10 tahun) | Dalaman | Sedia ada | Air hujan dan penebat haba yang jatuh telah menjejaskan kualiti air seterusnya hasil penyelidikan dan mengakibatkan litar pintas | KPI : Penyelidikan & Inovasi | Pembersihan tangki secara bulanan dan Pemutus litar bocor ke bumi (ELCB) akan secara automatik berfungsi | Rawat (Treat) | Dalam proses naiktaraf |

# 3. SENARAI RISIKO TINGGI HY1 2025

| No | Nama PTJ | Fungsian / Operasi | Penyataan Isu / Masalah | Isu Dalaman / Luaran | Status Isu | Penyataan Risiko | Kesan Kepada Bidang KPI UPM | Kawalan Sedia ada | Tindakan Ke Atas Risiko | Nyatakan Kawalan / Strategi Tindakan Baru |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 4 | Institut Antarabangsa Akuakultur dan Sains Akuatik | Infrastruktur / Persekitaran | Kekurangan peruntukan untuk naik taraf tangki simpanan air laut | Dalaman | Sedia ada | Menjejaskan tahap kemasinan air laut serta teritip memenuhi dinding tangki dan berlaku keretakan, kebocoran | KPI : Penyelidikan & Inovasi | Tiada kerana melibatkan peruntukan yang besar | Rawat (Treat) | Akan membuat permohonan melalui peruntukan one-off/ JPU |
| 5 | Institut Antarabangsa Akuakultur dan Sains Akuatik | Infrastruktur / Persekitaran | Pagar anti climb telah berkarat, reput dan tercabut | Dalaman | Sedia ada | Membahayakan keselamatan pekerja, pelajar, pelanggan dan aset | Pihak Berkepentingan | Pemantauan kendiri | Rawat (Treat) | Membuat permohonan peruntukan naik taraf pagar anti climb |
| 6 | Institut Biosains | Infrastruktur / Persekitaran | Bangunan IBS dicemari kulat | Luaran | Sedia ada | Menjejaskan kesihatan, peralatan dan perkhidmatan. | KPI : Pengurusan Kewangan & Aset | 1. Memasang alat penapis udara di lokasi yang kritikal masalah pencemaran kulat.<br>2. Memasang penghawa dingin 'split unit' | Rawat (Treat) | 1. Memohon peruntukan tambahan daripada Universiti:<br>a. menyediakan lebih banyak split aircond bagi menggantikan centralized aircond.<br>b. mengecat permukaan kulat di permukaan dinding bangunan<br>c. membeli alat penapis udara dan melaksanakan penyelenggaraan kendiri alat.<br>2. Meningkatkan kadar pengudaraan dan pencahayaan di dalam bangunan IBS. |
| 7 | Institut Biosains | Infrastruktur / Persekitaran | Infrastruktur dan kemudahan seperti bumbung, siling, penebat kilat, dinding, tandas, pendawaian elektrik dan struktur bangunan yang telah usang dan rosak. | Luaran | Sedia ada | Mengancam keselamatan pengguna, menyebabkan kerosakan peralatan penyelidikan dan mengganggu operasi. | KPI : Pengurusan Kewangan & Aset | 1. Menjalankan pemeriksaan dan siasatan di lokasi oleh PPPA bagi mendapatkan cadangan tindakan.<br>2. Mengadakan perbincangan yang berterusan dengan pihak PPPA dan Bursar bagi membincangkan isu yang dihadapi dan melihat peluang untuk mendaptkan peruntukan tambahan bagi menagani isu. | Rawat (Treat) | 1. Menjalankan siasatan menyeluruh di Bangunan yang terlibat.<br>2. Mengadakan perbincangan yang berterusan dengan pihak PPPA dan Bursar<br>3. Memohon peruntukan tambahan daripada Universiti: |

# 3. SENARAI RISIKO TINGGI HY1 2025

| No | Nama PTJ | Fungsian / Operasi | Penyataan Isu / Masalah | Isu Dalaman / Luaran | Status Isu | Penyataan Risiko | Kesan Kepada Bidang KPI UPM | Kawalan Sedia ada | Tindakan Ke Atas Risiko | Nyatakan Kawalan / Strategi Tindakan Baru |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 8 | Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah | Infrastruktur / Persekitaran | Kerosakan Sistem Pencegah Kebakaran di Dewan Bankuet & Panggung Percubaan | Dalaman | Sedia ada | Kegagalan mengesan kebakaran : Sistem sedia ada tidak dapat berfungsi dengan baik dan mengalami kerosakan kritikal akan menyebabkan risiko kebakaran tidak dapat dikesan pada peringkat awal.<br>Risiko keselamatan nyawa : Sistem gagal berfungsi semasa kebakaran, nyawa penghuni akan berada dalam bahaya.<br>Kerugian harta benda : Tanpa sistem pencegah kebakaran berfungsi dengan baik, kerosakan akibat kebakaran akan menjadi lebih besar dan mungkin sukar dikawal dengan lebih baik.<br>Pelanggaran Undang-Undang : Tidak mematuhi berkaitan sistem pencegah kebakaran Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341). | KPI : Pembangunan & Infrastruktur | Permohonan Peruntukan Tambahan kepada JPU | Rawat (Treat) | Memohon peruntukan RMK pada tahun semasa. |
| 9 | Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan | Keselamatan / Kesihatan | Peningkatan kes isu kesihatan mental di kalangan staf/pelajar | Dalaman | Sedia ada | Menjejaskan prestasi kerja staf dan pembelajaran pelajar | KPI : Sumber Manusia | Pemantauan berkala terhadap aduan dan bilangan kes isu kesihatan mental di PTJ. | Rawat (Treat) | Mengharmoni tindakan JK Task Force for *promoting good mental health* dikalangan staf dan pelajar |
| 10 | Fakulti Sains | Keselamatan / Kesihatan | Tidak menjalankan Chemical Health Risk Assessment (CHRA) | Dalaman | Baru | 1. Tidak mematuhi USECHH 2000, AKKP 1994<br>2. Menjejaskan kesihatan staf/pengguna bahan kimia berkaitan | Pihak Berkepentingan | Mengenalpasti unit kerja yang terlibat dalam pengendalian bahan kimia berbahaya kepada kesihatan | Rawat (Treat) | Memohon peruntukan khas daripada Universiti untuk menjalankan CHRA seperti dalam keperluan AKKP 1994 |
| 11 | Hospital Sultan Abdul Aziz Shah | Keselamatan / Kesihatan | Insiden yang tidak diingini berlaku kepada pesakit (contoh: pesakit jatuh semasa menjalani rawatan, kesalahan memberi ubat) | Dalaman | Sedia ada | Hospital akan menerima aduan dan menjejaskan imej | Pihak Berkepentingan | 1. Menjalankan audit<br>2. Menubuhkan task force untuk membangunkan SOP | Rawat (Treat) | Memperkasa tindakan pencegahan bagi mengelak insiden berulang berlaku |



Berilmu Berbakti Pertanian • Inovasi • Kehidupan upm.edu.my

# 3. SENARAI RISIKO TINGGI HY1 2025

| No | Nama PTJ | Fungsian / Operasi | Penyataan Isu / Masalah | Isu Dalaman / Luaran | Status Isu | Penyataan Risiko | Kesan Kepada Bidang KPI UPM | Kawalan Sedia ada | Tindakan Ke Atas Risiko | Nyatakan Kawalan / Strategi Tindakan Baru |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 12 | Pusat Asasi Sains UPM | Kewangan | Peruntukan kewangan belanja mengurus tahunan dikurangkan / dipotong memberi impak kepada penyediaan infrastruktur | Dalaman | Sedia ada | Menjejaskan kualiti pembelajaran dan pengajaran serta perkhidmatan di ASPutra | KPI : Pengurusan Kewangan & Aset | 1. Menyediakan anggaran perbelanjaan pada awal tahun.<br>2. Melaksanakan perbelanjaan berhemah. | Rawat (Treat) | 1. Menyediakan anggaran perbelanjaan pada awal tahun. Melaksanakan perbelanjaan berhemah.<br>2. Miningkatkan pendanaan pendapatan melalui pengambilan pelajar T20, penganjuran seminar dan sewaan kafetaria. |
| 13 | Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Infak | Kewangan | Kekurangan dana amil bagi menampung kos operasi WAZAN kerana peruntukan sedia ada terpaksa membiayai emolumen staf kontrak yang sangat ramai | Dalaman | Sedia ada | 1. Operasi WAZAN terjejas teruk (meliputi kos promosi, utiliti, pengurusan pejabat, aset, latihan, latihan) dan tidak dapat dilaksanakan kerana kekurangan dana<br>2. Tidak dapat menyokong/ menyumbang kepada pendapatan UPM | KPI : Kemampanan Kewangan | Mengoptimumkan tenaga kerja dalam kalangan staf sedia ada (multitasking) bagi menjimatkan kos penggunaan peruntukan bagi tujuan bayaran emolumen staf kontrak. | Rawat (Treat) | 1. Memohon waran jawatan staf tetap<br>2. Merangka strategi-strategi baru peningkatan zakat |
| 14 | Pejabat Bursar | Kewangan | Sistem Pengurusan Aset (SPA) tidak memenuhi keperluan yang ditetapkan | Dalaman | Baru | Menjejaskan kredibiliti data kewangan | KPI : Pengurusan Kewangan & Aset | Mengadakan mesyuarat berkala dengan pihak vendor dan memantau isu yang dibangkitkan melalui RFS yang dikeluarkan. | Rawat (Treat) | Mengadakan pemantauan berkala secara mingguan dan menetapkan tarikh akhir penyelesaian isu yang dibangkitkan |
| 15 | Pusat Asasi Sains UPM | Lain-lain | Kekangan mencapai projek 5 bintang dan nilai impak industri | Dalaman | Sedia ada | Menjejaskan KPI ASPutra dan UPM | KPI : Jaringan Industri & Masyarakat | Pemantauan melalui Laporan Jaringan Industri dan Masyarakat dalam Mesyuarat Pengurusan ASPutra | Rawat (Treat) | Menyenarai dan menyemak status projek JINM yang telah dilaporkan dalam ICRIS/HiStaf untuk menentukan impak penarafan bintang supaya dapat mengenalpasti projek 4 bintang untuk industri untuk diusahakan mencapai 5 bintang. Senarai akan diedarkan kepada pensyarah untuk maklumbalas penarafan bintang. |

# 3. SENARAI RISIKO TINGGI HY1 2025

| No | Nama PTJ | Fungsian / Operasi | Penyataan Isu / Masalah | Isu Dalaman / Luaran | Status Isu | Penyataan Risiko | Kesan Kepada Bidang KPI UPM | Kawalan Sedia ada | Tindakan Ke Atas Risiko | Nyatakan Kawalan / Strategi Tindakan Baru |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 16 | Pusat Pertanian Putra | Lain-lain | Bekalan diesel yang tidak konsisten menyebabkan kos penyelenggaraan jentera meningkat yang menyebabkan enjin traktor bermasalah dan operasi penyelenggaraan ladang terhenti | Dalaman | Sedia ada | Potensi kerosakan kepada mesin dan jentera serta menjejaskan produktiviti pertanian pada masa akan datang | KPI : Pertanian | 1. Pembelian secara runcit di Petronas<br>2. Perbincangan dengan Pejabat Bursar bagi peruntukan khas diesel untuk menampung perkhidmatan yang disediakan oleh pelajar dan PTJ luar. | Pindah (Transfer) | 1. Pembelian secara runcit pada awal 2025.<br>2. Permohonan kepada Bursar untuk pembelian diesel secara sebutharga (6 kali penghantaran) |
| 17 | Pusat Pertanian Putra | Lain-lain | Kadar kelahiran ternakan menurun | Dalaman | Baru | Aktiviti penyelidikan dan pengajaran (Pregnancy Diagonise) menyebabkan proses pembiakan (kadar kelahiran) ternakan menurun | KPI : Pertanian | Meneliti keperluan dan permohonan PTJ yang diterima dengan mengambil kira tempoh penerimaan permohonan oleh PTJ/individu | Rawat (Treat) | 1. Kertas Pengurusan PPP - pembelian ternakan baharu.<br>2. Mengadakan perbincangan dengan PTJ untuk bilangan ternakan yang boleh digunakan.<br>3. Semua permohonan penyelidikan berkaitan pembiakan (kadar kelahiran) dihadkan. |
| 18 | Hospital Sultan Abdul Aziz Shah | Lain-lain | Kesilapan padanan data pesakit pada borang dan kad temujanji | Dalaman | Sedia ada | Keputusan ujian yang tidak tepat dikeluarkan dan menjejaskan nyawa pesakit | Pihak Berkepentingan | 1. Menjalankan audit<br>2. Melihat keberkesanan sistem E-IRAS<br>3. Memperkasa tindakan pencegahan bagi mengelak insiden berulang berlaku | Rawat (Treat) | 1. Menjalankan audit dan penilaian semula pelaporan dalam sistem E-IRAS<br>2. Memperkasa Tindakan pencegahan bagi mengelak insiden berulang berlaku |
| 19 | Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul | Pentadbiran / Perkhidmatan | Kekurangaan staf melibatkan jawatan PTPO dan Penolong Pegawai Sains menjejaskan operasi dan perkhidmatan Fakulti. | Dalaman | Baru | risiko telah berjaya dikawal dan telah mencapai KPI 2023 | KPI : Sumber Manusia | Beban tugas dilaksanakan oleh staf sedia ada | Pindah (Transfer) | Bekerjasama dengan Pejabat Pendaftar bagi mendapatkan staf (tetap atau kontrak). |
| 20 | Institut Biosains | Pentadbiran / Perkhidmatan | Tiada pelapis staf bagi pengendalian peralatan penyelidikan yang berteknologi tinggi. Selain itu, staf sedia ada juga perlu mengikuti latihan kemahiran lanjutan berkenaan teknik dan kaedah terkini tentang perkhidmatan yang ditawarkan. | Dalaman | Sedia ada | Menjejaskan semua perkhidmatan yang melibatkan peralatan berteknologi tinggi dan teknik serta kaedah | KPI : Sumber Manusia | 1. Staf sedia ada dikekalkan bagi mengendalikan teknologi tinggi;<br>2. Menyediakan latihan dalaman secara berkala kepada staf teknikal. | Pindah (Transfer) | 1. Pelaksanaan program meningkatkan kompetensi melalui Talent@IBS<br>2. Permohonan staf tetap ke Pejabat Pendaftar<br>3. Staf menghadiri latihan lanjutan |

# 3. SENARAI RISIKO TINGGI HY1 2025

| No | Nama PTJ | Fungsian / Operasi | Penyataan Isu / Masalah | Isu Dalaman / Luaran | Status Isu | Penyataan Risiko | Kesan Kepada Bidang KPI UPM | Kawalan Sedia ada | Tindakan Ke Atas Risiko | Nyatakan Kawalan / Strategi Tindakan Baru |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 21 | Pusat Kesihatan Universiti | Pentadbiran / Perkhidmatan | Sistem eKlinik PKU UPM sekarang tidak lagi relevan dan tidak memenuhi keperluan medico legal serta usang. | Dalaman | Sedia ada | 1. Nota klinikal pesakit tidak dapat ditulis dengan sempurna dan perkara ini akan menjadi masalah sekiranya berlaku kes-kes berkenaan medikolegal.<br>2. Keselamatan maklumat diragui.<br>3. Telah berlaku kehilangan data pesakit. | KPI : Kemampanan Organisasi | 1. Pengunaan nota sendiri melalui buku nota/ templat temujanji pegawai pergigian secara manual (sekiranya berkenaan)<br>2. Pendaftaran semula maklumat pelanggan apabila kehilangan data berlaku<br>3. Perekodan secara manual data kes pesakit mengalami kes kemalangan/kecederaan di UPM | Pindah (Transfer) | Dalam tindakan Pembangunan Sistem e-Klinik Baharu dengan penglibatan pihak iDEC dan Pejabat Bursar bermula tahun 2025 dan dijangka siap pada penghujung tahun 2026. |
| 22 | Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Infak | Pentadbiran / Perkhidmatan | Staf kontrak yang berhenti dan mendapat tetap serta dipindahkan ke PTJ lain | Dalaman | Sedia ada | Seksyen Pentadbiran dan Kewangan terpaksa berulangkali memproses prosedur lantikan baru, perlanjutan kontrak, mengadakan latihan yang bersesuaian dan penstrukturan semula organisasi. Operasi seksyen juga akan tergendala setiap kali berlaku tukar ganti staf. | KPI : Sumber Manusia | Pengagihan tugas dalam kalangan staf sedia ada | Rawat (Treat) | Melantik staf jawatan Pegawai Eksekuti (PE) dan Personel MyStep menggunakan peruntukan Tabung Amanah PTJ |
| 23 | Fakulti Sains | Peralatan / Mesin | Peralatan berkeperluan tinggi yang telah usang tidak dapat diganti | Dalaman | Baru | 1) Menjejaskan kualiti pengajaran & pembelajaran (PdP) dan kelancaran aktiviti penyelidikan<br>2) Mengurangkan penjanaan perkhidmatan/analisis PTJ | Pihak Berkepentingan | Tiada | Rawat (Treat) | Memohon peruntukan tambahan daripada Universiti |
| 24 | Institut Biosains | Peralatan / Mesin | Penyelenggaraan terjejas kerana kekangan peruntukan | Luaran | Sedia ada | Pematuhan Audit SIRIM terkesan | KPI : Pengurusan Kewangan & Aset | i) Melaksanakan verifikasi dan tentukuran di peringkat dalaman UPM dan penyelenggaraan peralatan dijalankan secara bersasar mengikut keutamaan.<br>ii) Meningkatkan penjanaan pendapatan melalui servis yang ditawarkan (analisis sampel), penganjuran latihan dan lain-lain bagi menampung keperluan penyelenggaraan peralatan makmal.<br>iii) Memantau proses pembayaran oleh pengguna/pelanggan yang telah menerima servis di IBS | Pindah (Transfer) | 1. Meletakkan keutamaan peralatan yang perlu diselenggara<br>2. Melaksanakan peyelenggaraan kendiri bagi peralatan tertentu<br>3. Meningkatkan kompetensi staf teknikal |

# 3. SENARAI RISIKO TINGGI HY1 2025

| No | Nama PTJ | Fungsian / Operasi | Penyataan Isu / Masalah | Isu Dalaman / Luaran | Status Isu | Penyataan Risiko | Kesan Kepada Bidang KPI UPM | Kawalan Sedia ada | Tindakan Ke Atas Risiko | Nyatakan Kawalan / Strategi Tindakan Baru |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 25 | Pusat Asasi Sains UPM | Peralatan / Mesin | Peralatan makmal yang telah usang | Dalaman | Sedia ada | Menjejaskan kualiti pembelajaran dan pengajaran | KPI : Akademik & Antarabangsa | Melaksanakan penyelenggaraan berkala ke atas peralatan makmal | Rawat (Treat) | 1. Menggalakkan penyelidik ASPutra menghantar permohonan geran luar secara berkumpulan.<br>2. Menyediakan latihan dan bengkel penulisan proposal geran dan mengadakan webinar. |
| 26 | Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Infak | Teknologi Maklumat & Komunikasi | Sistem e-WAZAN bagi proses permohonan zakat atas talian dan skim potongan gaji staf yang tidak stabil | Luaran | Sedia ada | 1. Memberi kesan kepada pelanggan (staf dan pelajar) iaitu melibatkan kehilangan data semasa pemprosesan dijalankan<br>2. Memberi kesan kepada pentadbir sistem yang menguruskan proses permohonan pelanggan iaitu melibatkan penukaran peranan dalam sistem e-WAZAN<br>3. Memberi kesan kepada fungsian dan aras bagi piagam pelanggan yang pertama | Pihak Berkepentingan | 1. Bagi permohonan SPG, pegawai bertanggungjawab memproses secara manual<br>2. 2. Sentiasa membuat laporan di SPICT | Rawat (Treat) | Mengadakan promosi bagi meningkatkan hasil kutipan |



Berilmu Berbakti Pertanian • Inovasi • Kehidupan upm.edu.my

| No | Nama PTJ | Fungsian / Operasi | Penyataan Isu / Masalah | Isu Dalaman / Luaran | Status Isu | Penyataan Risiko | Kesan Kepada Bidang KPI UPM | Kawalan Sedia ada | Tindakan Ke Atas Risiko | Nyatakan Kawalan / Strategi Tindakan Baru |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 27 | Pejabat Pentadbiran, Pejabat Naib Canselor | Undang - Undang | Pelanggaran terhadap pematuhan Subseksyen 44 (6), Akta Cukai Pendapatan 1967. | Dalaman | Baru | Kelulusan Subseksyen 44 (6), Akta Cukai Pendapatan 1967 kepada UPM ditarik semula oleh LHDN menyebabkan UPM perlu membayar cukai pendapatan dan tidak lagi boleh menerima derma orang ramai bagi membiayai kegiatan pendidikan, penyelidikan, kegiatan dan kebajikan pelajar di UPM. | KPI : Pengurusan Kewangan & Aset | 1. Memastikan PTJ menyediakan laporan aktiviti, gambar & video dan senarai penerima manfaat/peserta.<br>2. Meningkatkan visibiliti promosi kutipan derma pada semua laman web UPM & PTJ.<br>3. Memastikan penyata kewangan beraudit, senarai penderma dan Borang Nyata Cukai Pendapatan UPM (BNCP) dikemukakan kepada LHDN sebelum 30 April setiap tahun.<br>4. Memastikan kesemua 8 pelanggaran ditutup. | Rawat (Treat) | 1. Task force penyelesaian pematuhan audit LHDN telah diwujudkan untuk menyelesaikan/menutup 8 pelanggaran pematuhan Subseksyen 44(6), Akta Cukai Pendapatan 1967.<br>2. Memastikan PTJ menyediakan laporan aktiviti, gambar & video dan senarai penerima manfaat/peserta.<br>3. Meningkatkan visibiliti promosi kutipan derma pada semua laman web UPM & PTJ.<br>4. Memastikan penyata kewangan beraudit, senarai penderma dan Borang Nyata Cukai Pendapatan UPM (BNCP) dikemukakan kepada LHDN sebelum 30 April setiap tahun.<br>5. Memaklumkan kepada LHDN jika terdapat perubahan Ahli Lembaga Pengarah Universiti.<br>6. Memastikan manfaat/elaun yang diterima oleh Ahli Lembaga Pengarah Universiti adalah minimum dan munasabah.<br>7. Memastikan UPM tidak menanggung kerugian syarikat subsidiari.<br>8. Memaklumkan kepada LHDN sebarang pindaan pada perlembagaan universiti.<br>9. Memaklumkan kepada LHDN perancangan dan pembelian sebenar aset pada setiap tahun.<br>10. Memastikan kesemua 8 pelanggaran ditutup sebelum permohonan semula perlanjutan kelulusan pelepasan cukai di bawah Subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967. |

**Rawat:** Risiko yang boleh dirawat oleh PTJ dengan menggunakan sumber sedia ada. Kombinasi hierarki kawalan adalah sesuai diamalkan bagi memastikan kadar risiko adalah sentiasa terkawal




**Pindah:** Risiko yang boleh ditanggung oleh pihak lain selain PTJ sendiri atau risiko yang dikongsi PTJ bersama PTJ lain yang berkaitan. Pilihan ini adalah baik bagi mengawal risiko berkaitan sumber (antaranya: kewangan, aset, infrastruktur, ICT dan manusia)

**Tolak ansur:** Risiko yang boleh diterima oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) tanpa sebarang kerugian. Risiko ini boleh dikawal secara efisien menggunakan sistem kawalan sedia ada

**Elak:** Risiko yang dielak oleh PTJ setelah penilaian dan pertimbangan dilaksanakan dimana kemudaratan melebihi manfaat.

**Kawalan tindak balas ke atas risiko terhadap 396 pernyataan isu (Tolak Ansur, Rawat, Pindah, Elak)**

Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti kali ke-63 diminta mengambil maklum dan tindakan:

1. Isu operasi yang telah dikenal pasti oleh PTJ sebanyak **398** yang merangkumi:
   **(a) 334 isu dalaman** dan **62 isu luaran**;
   **(b) 337 isu sedia ada** (isu tahun 2024 yang masih relevan untuk tahun 2025) dan sebanyak **59 isu baru** tahun 2024;
   **(c) Risiko operasi** yang memberi **kesan kepada KPI UPM dan Pihak Berkepentingan.**
   (d) Isu risiko operasi mengikut **kategori fungsian** yang dikenalpasti oleh PTJ.

2. Penilaian Risiko Awal dan Pertengahan Tahun Pertama 2025 **(HY1/2025)**.

3. Senarai **risiko tinggi** yang dikenalpasti oleh PTJ.

**4. Kawalan tindak balas** ke atas risiko operasi HY1/2025 bagi 398 risiko yang dinilai dan **meminta PTJ melaksanakan kawalan** berdasarkan kaedah kawalan yang dipilih bagi memastikan tahap risiko operasi terkawal.

UPM UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA BERILMU BERBAKTI

PUTRA PERTANIAN UNTUK RAKYAT

Pertanian • Inovasi • Kehidupan

**Berilmu Berbakti**

# Terima Kasih